



Beliau juga berkata, di bawah resolusi governan, perundangan dan pengurusan awam, adalah amat perlu kerajaan membangunkan kod tadbir urus sektor awam dan kaedah penguatkuasaan bagi melaksanakan sistem pengurusan kewangan, risiko dan pengauditan secara berkesan dan berintegrasi untuk dijadikan sebagai pemangkin untuk meningkatkan kecekapan sistem penyampaian, pengurusan dan pentadbiran awam.

"Resolusi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) pula menyatakan keperluan pembangunan tekno-usahawan termasuk teknologi keselamatan ICT serta